

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2003/2004

September/Okttober 2003

## HKT 501 – Teori dan Kritikan Sastera

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **DUA** soalan di **Bahagian A** dan **DUA** soalan di **Bahagian B**.

### **Bahagian A**

1. Dikatakan bahawa prosa lirik Calon Arang: Kisah Perempuan Korban Patriarki dipersembahkan oleh Toeti Heraty kepada “setiap perempuan yang meredam kemarahan saja”. Dengan menggunakan kritikan feminis jelaskan konsep patriarki dan perlihatkan sejauhmana pengarang berjaya meneroka konsep ini untuk menjelaskan kedudukan dan peranan wanita Bali di bawah pengaruh patriarki.
2. Pilih **sama ada** cerpen “Gua, Perempuanku dan Pandangan Darat” karya Anwar Ridhwan **atau** filem “Batu Belah Batu Bertangkup”. Berasaskan psikoanalisis Freud, jelaskan mengenai seksualiti manusia dan kaitannya dengan imej-imej dalam sastera.
3. Harry Levin berpendapat, *the relations between literature and society are reciprocal. Literature is not only the effect of social causes, it is also the cause of social effects.* Bincangkan sejauhmana pendapat tersebut menjadi salah satu kriteria dalam proses terbentuknya pendekatan sosiologikal.

**Bahagian B**

4. Bincangkan apa yang dimaksudkan dengan *ecocriticism*. Merujuk kepada novelet A4 bincangkan bagaimana *ecocriticism* dapat dilaksanakan.
5. Jelaskan secara kritis dua wacana dalam pascakolonialisme. Merujuk kepada novel Things Fall Apart karya Chinua Achebe, jelaskan kedua dua wacana itu.
6. Bincangkan persamaan dan perbezaan antara novel sejarah dan novel metafiksyen historiografik. Merujuk kepada novel Pemberontakan karya Jong Chian Lai, sejauhmanakah novel ini boleh dianggap sebagai sebuah novel metafiksyen historiografik?

- ooo O ooo -